

Senarai Pendek Calon DAP Teluk Intan Selepas Penamaan Calon Bukit Gelugor
Bernamea
May 10, 2014

IPOH, 10 Mei (Bernama) -- DAP Perak akan mengemukakan senarai pendek calon bagi pilihan raya kecil Parlimen Teluk Intan kepada panel pemilihan calon jawatankuasa pusat parti selepas hari penamaan calon Parlimen Bukit Gelugor.

Pengerusi DAP Perak Nga Kor Ming berkata, "Calon DAP itu dijangka diumumkan oleh setiausaha agung parti, Lim Guan Eng sebelum 19 Mei, iaitu tarikh penamaan calon bagi pilihan raya kecil Teluk Intan".

Dalam satu kenyataan hari Sabtu, Nga berkata mesyuarat DAP negeri di sini semalam memutuskan melantik setiausahanya Wong Kah Woh, yang juga Adun Canning sebagai pengarah kempen.

Timbalan pengerusi DAP negeri V. Sivakumar dan setiausaha pemuda DAP negeri Howard Lee dilantik sebagai pengerusi bersama jawatankuasa kerja pilihan raya kecil itu.

Nga berkata Pakatan Rakyat Perak akan menganjurkan rapat umum di Kampung Bahagia, Changkat Jong, Teluk Intan pada 18 Mei, sehari menjelang penamaan calon.

Kerusi Parlimen Teluk Intan kosong berikutan kematian anggotanya Seah Leong Peng, 48, akibat kanser.

Dalam Pilihan Raya Umum ke-13, Seah mengalahkan Presiden Gerakan Datuk Mah Siew Keong dari Barisan Nasional (BN) dan calon bebas K. Moralingam dengan majoriti 7,313 undi.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037350>